

Perpustakaan berperanan penting wujudkan budaya ilmu

4B 25.10.2018 A5

KOTA KINABALU: Peranan perpustakaan dalam mewujudkan budaya ilmu dalam kalangan warga universiti adalah sangat besar.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, perpustakaan memerlukan kerjasama dan sokongan semua fakulti serta komunitinya untuk sama-sama menyemarakkan aktiviti yang boleh memperkasakan budaya ilmu di universiti itu.

“Hubungan yang harmoni di antara Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian (JFPIB) dan Perpustakaan UMS haruslah utuh dan menyeluruh kerana semuanya saling memerlukan serta saling melengkapi.

“Saya berharap seluruh JFPIB akan turut serta dalam menyokong usaha murni Perpustakaan UMS untuk terus merancang lagi kegiatan ilmu seperti ini,” katanya ketika menyempurnakan Program Budaya Ilmu UMS 2018, di sini pada Selasa.

Beliau berkata, dalam UMS, pengguna perpustakaan adalah terdiri daripada kakitangan pentadbiran, kakitangan akademik dan pelajar yang akan memanfaatkan pelbagai perkhidmatan serta kemudahan.

Katanya, pada masa yang sama, pengguna perpustakaan memerlukan maklumat yang terkini, tepat dan pantas.

“Justeru, pelanggan perpustakaan haruslah lebih bijak dalam memberikan respon atau maklum balas kepada perpustakaan agar perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan sentiasa menepati keperluan semasa pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan di universiti ini, sesuai dengan fungsinya.

“Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa Pelaksana Program Budaya Ilmu UMS 2018 yang telah bertungkus lumus berusaha memastikan program ini berjalan lancar seperti yang dirancang,” katanya.

Kamarudin berkata,

program seumpamanya adalah salah satu platform yang tepat sebagai merencanakan aktiviti keilmuan di universiti.

“Saya difahamkan program ini dilakukan secara tahunan oleh Perpustakaan UMS dan menjadi salah satu inisiatif untuk menyokong hala tuju universiti terutama yang berkaitan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.

“Hal ini amat bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan dalam program ini iaitu meningkatkan kesedaran warga universiti untuk mencintai ilmu, menggalakkan amalan budaya membaca dalam kalangan warga universiti dan menggalakkan penulisan serta penerbitan penyelidikan ahli akademik,” katanya.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Prof Dr Rasid Mail, Pendaftar Universiti Malaysia Sabah No'man Hj Ahmad, Bendahari UMS Zalifah Shadan dan Pemangku Ketua Pustakawan Zawawi Tiyunin. - Oleh YAP SIONG HAN



KAMARUDIN (tengah), Rasid (dua kanan), No'man (kanan), Zawawi (dua kiri) dan Zalifah (kiri) ketika menyempurnakan acara memotong kek.